

Nama : .....


Kelas : .....

## SAINS TINGKATAN 2

### BAB 9.1 SUHU DAN HABA


\*\*\*LENGKAPKAN MODUL SAINS ANDA\*\*\*

KLIK VIDEO DI BAWAH :



#### HUBUNG KAIT SUHU DENGAN HABA [BUKU TEKS m.s.206]

1 Tiga batang sudu logam direndam di dalam air sirap yang berbeza kepanasannya.



- Sudu dalam air manakah lebih cepat panas?
- Sudu di dalam  cepat panas kerana mempunyai kandungan  yang paling banyak.
- Air manakah mempunyai suhu yang paling tinggi?
- Bagaimana kamu dapat mengukur suhu air ?
- Apabila sudu yang direndam dalam air sirap panas dicelupkan ke dalam air sirap sejuk, sudu akan berasa .....  
Ini kerana, ..... akan mengalir dari objek yang ..... ke objek yang .....  
Haba mengalir dari objek yang mempunyai suhu ..... ke objek yang suhunya lebih .....

## HUBUNG KAIT SUHU DENGAN HABA [BUKU TEKS m.s.206]


2 Tandakan betul atau salah.

|     |                                                                                                                       |  |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| i   | Apabila air dididihkan di dalam dua bikar yang masing-masing mengadungi 100ml dan 200ml air, suhu airnya adalah sama. |  |
| ii  | Semakin kecil jisim air, semakin lama masa yang diambil untuk air mendidih.                                           |  |
| iii | Suhu ialah satu bentuk tenaga.                                                                                        |  |
| iv  | Haba mengalir dari kawasan yang bersuhu tinggi ke kawasan yang bersuhu rendah.                                        |  |
| v   | Deria sentuhan sesuai digunakan untuk menentukan seseorang itu demam atau tidak.                                      |  |

## BAB 9.2 PENGALIRAN HABA & KESEIMBANGAN TERMA


\*\*\*LENGKAPKAN MODUL SAINS ANDA

KLIK VIDEO DI BAWAH :



## PENGALIRAN HABA DAN KESEIMBANGAN TERMA [BUKU TEKS m.s.207-212]

1 Berdasarkan rajah di bawah, nyatakan konsep haba dengan memilih jawapan yang betul.



Haba mengalir dari kawasan yang ..... ke kawasan yang .....


2 Namakan 3 cara **PENGALIRAN HABA**.

i. ....

ii. ....

iii. ....

3 Rajah menunjukkan eksperimen untuk mengkaji pengaliran haba secara konduksi. Pada hujung rod A, B, C dan D dilekatkan paku tekan manakala hujung satu lagi dipanaskan.



Jadual menunjukkan masa yang diambil untuk paku tekan jatuh.

| Rod | Masa yang diambil untuk paku tekan jatuh (saat) |
|-----|-------------------------------------------------|
| A   | 60                                              |
| B   | 90                                              |
| C   | 80                                              |
| D   | 120                                             |

a. Nyatakan :

|                              |  |
|------------------------------|--|
| Pemboleh ubah dimanipulasi   |  |
| Pemboleh ubah bergerak balas |  |

b. Susun jenis rod dalam **urutan menaik** bagi kekonduksian haba. ....

c. Pada pendapat anda, logam pada rod manakah yang paling sesuai digunakan untuk membuat periuk. Jelaskan.

Rod logam : .....

Kerana .....